



Oleh:
**ALIAS
MOHAMED**

HARAPAN2 ORANG PENCAPAIAN

TIDAK siapa yang dapat menafikan bahawa Mahathir telah membawa kelainan-kelainan yang jelas dalam pimpinan beliau jika kita harus membuat perbandingan dengan kepimpinan-kepimpinan Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein. Dalam tempoh 27 tahun sejak 1957 hingga 1985 negara kita telah melalui berbagai-bagai peristiwa yang ditemponi oleh tiga orang Perdana Menteri dan kemudian Dr. Mahathir sendiri.

Satu aspek yang penting sekali ialah Dr. Mahathir bukanlah seorang ahli politik yang tiba-tiba sahaja muncul di tengah gelanggang. Ramai yang tidak begitu sedar yang beliau ialah seorang aktivis politik yang waktu penglibatannya hampir sama panjang dengan usia remaja dan dewasanya dicampur sekali.

Ramai tokoh-tokoh politik yang mendakwa mereka memainkan peranan penting dan lama dalam pertubuhan-pertubuhan politik, walaupun sebenarnya mereka hanyalah ahli-ahli yang tidak begitu aktif dan terlibat.

Keadaan dengan Dr. Mahathir berbeza. Sejak tahun-tahun 1940-an dan 50-an lagi beliau menjadi wartawan sambilan bagi akhbar **The Straits Times**. Dengan menggunakan nama penanya **C.H.E. Det** beliau mengemukakan pandangan-pandangannya mengenai nasib petani-petani di desa, kekurangan makanan di kalangan keluarga nelayan, kemiskinan Melayu dan kemunduran mereka.

Dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua beliau menganggotai **Saberkas** di mana, Encik Khir Johari dan Datuk Senu Abdul Rahman juga ahli-ahlinya. Tunku yang menjadi penasihat dan penggalak **Saberkas** ketika mula-mula ditubuhkan dalam tahun 1943 tidak lama dalam pertubuhan sukarela yang kemudian menjadi parti politik ini. Tunku disingkirkan.

Seberkas, seperti yang diketahui, adalah sebuah parti politik yang dianggap kiri dan radikal pada masa itu. Ramai anggota-anggotanya mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin PKMM.

Oleh sebab itu cita-citanya untuk merdeka, seperti yang diperjuangkan oleh PKMM, dianggap 'kiri' oleh parti-parti yang lebih konservatif dalam tahun-tahun selepas Jepun kalah sehingga UMNO muncul untuk menggabungkan semua pertubuhan-pertubuhan negeri untuk menentang Malayan Union.

Mahathir juga bergiat cergas dalam Kesatuan Melayu Kedah. Dalam tahun 1945 beliau adalah pengerusi pertamanya, ketika itu berusia 20 tahun. Dr. Mahathir menjadi ahli jawatankuasa yang menubuhkan Persatuan Melayu Kedah yang kemudian menjadi ahli gabungan UMNO untuk menentang Malayan Union.

CERGAS

Malah selepas beliau memasuki Universiti Singapura beliau terus cergas dalam pertubuhan pelajar dan menjadi Presiden Persatuan Islam di universiti itu. Dalam 10 tahun kemudian setelah beliau memasuki universiti, dalam tahun 1959, beliau bertanding buat pertama kalinya dalam pilihanraya Negeri Kedah dan berjaya. Dalam tahun 1964 pula Dr. Mahathir menjadi Ahli Parlimen Kota Star atas tiket Perikatan setelah mengalahkan calon PAS.

Dalam tahun 1969 beliau bertanding sekali lagi tetapi kalah kepada Yusoff Rawa. Yang Dipertua Agung PAS sekarang.

Seperti yang dikatakan, Dr. Mahathir bukanlah tokoh yang baru muncul dalam tahun-tahun 1970-an. Sebagai seorang bekas wartawan beliau terus menulis dalam majalah-majalah dan jernal seperti **Solidarity** dan **Opinion** dalam tahun-tahun selepas 13 Mei 1969. Asas dan dasar pemikiran beliau tidak berubah. Apa yang ditulis dahulu, seperti dalam **The Malay Dilemma**, ialah apa yang masih dipercayainya hingga

sekarang. Jika ada perubahan, ini ialah kerana perubahan-perubahan telah berlaku dengan sendirinya.

Dalam tahun 1973 ketika beliau dilantik menjadi Senator oleh pimpinan Tun Razak ingin perubahan bertuip kencang. Pemimpin-pemimpin muda UMNO yang berkebolehan dan berpelajaran tinggi dikehendaki membantu pentadbiran Tun Razak.

Datuk Musa Hitam, seperti Mahathir, telah juga dipulihkan dari imej 'radikal'.

Ketika inilah Tengku Razaleigh, Rahman Yaacob, Ghazali Shafie dan lain-lain dibawa masuk dan diberi kedudukan penting dalam parti dan kerajaan.

Kematian Tun Dr. Ismail dalam tahun 1973 menyebabkan negara menanggung satu kehilangan besar. Beliau seperti Tun Razak dan Tunku adalah di antara beberapa orang sahaja yang tinggal yang pernah memainkan peranan penting dalam mencapai kemerdekaan bagi UMNO.

Kesemua ini dapat dirasa oleh pimpinan Tun Razak ketika itu. Oleh itu pengganti-pengganti yang berwujud mestilah diwujudkan. Jika tidak UMNO dan orang Melayu akan menghadapi ancaman dan tekanan, dan di bawah pimpinan yang lemah keuntungan dan kemenangan tidak dapat dijamin tidak terjatuh ke tangan orang lain.

Jadi kemasukan kembali Dr. Mahathir dalam UMNO pada awal tahun 1970-an itu ada hubungannya dengan harapan-harapan UMNO dan orang Melayu seluruhnya. Apabila beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran dalam tahun 1974 dalam Kabinet Tun Razak, orang Melayu mengetahui hasrat pimpinan ketika itu. Yang lebih penting lagi ketika itu ialah penyertaan PAS dalam Barisan Nasional dan dalam menubuhkan Kerajaan Campuran di Kelantan.

Walaupun ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran, kelonggaran berpolitik yang ada pada pelajar tidak diberi, imej beliau tidak terjejas kerana langkah-langkah menegatkan disiplin di kalangan pelajar ini. Malah dengan perlahan-lahan institusi-institusi pengajian tinggi yang

Penglibatan komunis dan subversif serta Parti Rakyat meyakinkan pelajar mereka telah diperalatkan. Sementara di luar negeri kritikan-kritikan terhadap kerajaan oleh akhbar-akhbar dan pelajar-pelajar Cina yang ramai jumlahnya di pusat-pusat pengajian tinggi memberi kesan positif kepada kerajaan dan Kementerian Pelajaran yang dipimpin oleh Mahathir.

Sejak beliau menjadi Menteri Pelajaran, malah selepas beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir dikecam dalam akhbar-akhbar luar negeri sebagai menjalankan dasar-dasar pro-Melayu, pro-Islam dan pro-kemasukan pelajar-pelajar Melayu ke universiti dan kolej. Beliau dituduh oleh akhbar-akhbar asing ini sebagai pemimpin Melayu yang tidak bersedia untuk bertolak-ansur dengan kaum-kaum lain mengenai bahasa, kebudayaan, ekonomi, agama dan pelajaran orang Melayu.

Akhbar-akhbar dan majalah **Le Monde**, **Bangkok Post**, **Newsweek**, **The Asia Letter**, **Time** dan lain-lain mengkritik Dr. Mahathir kerana apa yang mereka sifatkan sebagai menjalankan dasar-dasar pelajaran pro-Melayu. Mereka berkata Dr. Mahathir bertanggungjawab terhadap

terlalu biasa dengan kebebasan, di mana garis pemisah antara pelajar dan orang ramai terlalu halus itu, mula memahami tujuan kerajaan.

Sebagai seorang pemimpin yang telah lama terlibat dalam politik pelajar dan kemudian dalam parti-parti politik Melayu termasuk UMNO beliau dapat mewujudkan imbuhan imej di kalangan pelajar. Sungguhpun pada ketika itu tentangan PAS terhadap UMNO tidak ada. Pelajar-pelajar nampaknya cuba menggunakan platform sosialis dan chauvinist untuk mengkritik dasar-dasar kerajaan.

Dalam tahun 1974 pemimpin-pemimpin pelajar di Universiti Malaya (UMSU) diketahui mengambil bahagian dalam kempen pilihanraya untuk membantu Parti Rakyat. Selepas pilihanraya terdapat beberapa demonstrasi pelajar di kampus Universiti Malaya dan juga di universiti-universiti lain berlarut-larut sehingga September dan kemudian Disember 1974.

Demonstrasi-demonstrasi pelajar ini kemudian merebak ke Kuala Lumpur dan seterusnya di luar bandar. Seramai 1,169 orang pelajar ditahan ketika itu kerana terlibat dalam demonstrasi haram. Dalam bulan September tahun tersebut demonstrasi pelajar anjuran UMSU diadakan bagi membela segolongan penduduk tanah haram di Tasek Utara, Johor. Dalam bulan November petani-petani di Baling menyertai pemimpin-pemimpin pelajar UMSU dalam perarakan menentang apa yang mereka sifatkan sebagai kemiskinan dan kebuluran rakyat.

KERTAS PUTIH

Demonstrasi-demonstrasi ini didapati tidak berasas. Mereka nampaknya terikat-ikut dengan perkembangan dan kebangkitan 'student Power' di Indonesia, Singapura dan Thailand dalam tahun 1973. Walaupun terdapat kemiskinan di kalangan petani, dakwaan mereka bahawa kebuluran wujud berleluasa merupakan tambahan untuk memperbesarkan isu dan di belakang semua ini ialah PSRM.

Dalam tahun 1974 kerajaan mengeluarkan Kertas Putih yang membongkar pengaruh komunis dan subversif yang ditanam oleh Parti Komunis Malaya di dalam Persatuan Bahasa Cina, Universiti Malaya.

pelaksanaan dasar bahasa tunggal, Bahasa Kebangsaan, di sekolah-sekolah yang menyebabkan kegagalan pelajar-pelajar Cina dan keturunan India dalam peperiksaan.

"Apabila Tun Hussein menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Dr. Mahathir dalam tahun 1981 perlantikan beliau diterima dengan mudah dan lega oleh orang2 Melayu"

Apabila beliau dilantik oleh Tun Hussein Onn untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir sekali lagi dikritik oleh akhbar-akhbar asing. Nampaknya antara tuduhan-tuduhan anti Cina yang dihadapkan terhadap Dr. Mahathir dalam tahun 1970-an itu dan demonstrasi-demonstrasi pelajar pada akhir tahun 1974 ada hubungan yang rapat. Jika Kertas Putih kerajaan itu menunjukkan apa-apa bukti, maka siapa memperalatkan siapa dan ditujukan kepada siapa adalah jelas.

Dengan lebih jelas lagi, wujud satu gerakan yang bertugas saling bantu-membantu untuk menggagalkan kemunculan Mahathir dalam UMNO dan pucuk pimpinan parti itu.

Beliau bernasib baik kerana usaha-usaha keras dari golongan-golongan yang mengangap Dr. Mahathir anti Cina inilah sokongan orang Melayu

MELAYU DAN MAHATHIR

W1 - 4 OCT 85

tahun 1976, apabila beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau juga diserahkan portfolio Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran.

Oleh sebab itu apabila Tun Hussein menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Dr. Mahathir dalam tahun 1981 perlantikan beliau diterima dengan mudah dan lega oleh orang-orang Melayu. Harapan-harapan mereka memang besar dan diletakkan kepada Mahathir. Mereka juga berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi beliau.

Perkembangan-perkembangan Sejak 1981

Jalan ke tahun 1981 amat payah didaki oleh Dr. Mahathir, walaupun majoriti orang Melayu menerima beliau tanpa soal jawab. Namun terdapat segolongan kecil pemimpin UMNO yang berusaha untuk mengusik dan mencabar apa yang mereka ini anggap sebagai latar belakang masa lampau dan masa 'The Malay Dilemma' beliau. Ini berlaku setelah Tun Razak meninggal dunia dalam tahun 1976 dan sekali lagi dalam tahun 1978.

Boleh dikatakan hampir setahun dalam tahun 1976 bermula dari tarikh Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976 hingga akhir tahun tersebut UMNO berada dalam keadaan tidak tenteram. Oleh sebab itulah di Simposium Kepimpinan Melayu di Universiti Malaya pada bulan Disember 1976 Dr. Mahathir berkata, dalam sejarah orang Melayu tidak pernah kepimpinannya berada dalam keadaan kucar-kacir di mana kredibiliti mereka dipersoalkan.

Tuduh-menuduh, caci-maki dan surat-surat layang berlaku dengan rancak dan berleluasa sehingga ternampak seolah-olah tiada lagi pemimpin Melayu yang dipercayai. Orang Melayu berpecah-belah dan berkelahi sesama sendiri. Sedikit demi sedikit, tuduh-menuduh, betapa pun tidak berasas dan pelik, diterima tanpa dipersoalkan. Akhirnya orang Melayu mulai curiga terhadap pemimpin yang dahulunya mereka sangat hormati. Demikianlah ledakan Mahathir di Simposium tersebut.

Kematian Tun Razak tidak diduga oleh sesiapa pun. Oleh sebab itu kematian beliau diterima dengan memeranjatkan. Tetapi apa yang mungkin dihadapi oleh bekas Menteri Besar Selangor Datuk Haji Harun Idris telah diduga sejak tahun 1975 sebelum Tun meninggal dunia di London.

Ketika Tun meninggal, kedudukan Datuk Harun belum selesai diputuskan. Setahun terdahulu dari itu - tahun 1974 - skandal konsesi

"Tuduh-menuduh, caci-mencaci dan surat-surat layang berlaku dengan rancak dan berleluasa sehingga ternampak seolah-olah tiada lagi pemimpin Melayu yang dipercayai. Orang Melayu berpecah belah dan berkelahi sesama sendiri..."

kayu balak di Bangi menjadi perhatian pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan yang dilibatkan dengan Datuk Harun.

Oleh kerana kes ini berpanjangan Tun Razak mengarahkan BSN menyasat. Pada bulan November 1975 Datuk Harun ditangkap kerana 16 tuduhan rasuah. Kemudian dalam bulan Mac 1976 dakwaan-dakwaan baru melibatkan sebuah bank dibuat terhadap beliau.

Di sepanjang tahun 1976 UMNO digegarkan dengan kes Datuk Harun, yang telah pun mengalami kekalahan dalam pertandingan merebut kerusi Naib Presiden UMNO di Persidangan Agung UMNO yang ke-26 dalam tahun 1975.

Dalam pertandingan tersebut Tun dikatakan ingin memberi kemenangan kepada 'pasukan kerajaan' iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir. Golongan 'Old Guards' dalam UMNO di mana Datuk Harun ialah salah seorang daripadanya dikatakan tidak senang dengan perkembangan ini.

Sementara itu dalam tahun 1975 juga UMNO dan kerajaan menghadapi masalah Sabah yang

dipimpin oleh Tun Datu Mustapha. Perhubungan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah runcing sedikit. Dalam keadaan seperti ini, seperti kata pepatah Inggeris, **'Birds of a feather Flock together'**.

Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir mewarisi masalah-masalah ini setelah Tun meninggal dunia dengan mengejut dalam bulan Januari 1976. Sebagai seorang intelektual dan selalu sangat disebut-sebut oleh tokoh-tokoh politik Melayu dan bukan Melayu sebagai 'sangat ambitious', lebih-lebih lagi dengan latar belakang seorang 'ultra' (walaupun beberapa orang dalam kalangan 'Old Guards' juga adalah 'ultra', mengikut ukuran orang bukan Melayu). Dr. Mahathir memang dicemburui.

Oleh itu selepas penangkapan dan apa yang disifatkan sebagai 'pengakuan' Samad Ismail dan kemudian penangkapan Datuk Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid, kempen untuk mengaitkan pemimpin-pemimpin tertentu dengan 'pengakuan' Samad dan penangkapan Datuk Abdullah

dilakukan dengan penuh semangat dan tersusun.

Pergerakan Pemuda UMNO yang ketika itu dipimpin oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar menjadi platform dan instrument untuk menjalankan **McCarthyism** dan menyingkir pemimpin-pemimpin yang dikaitkan dengan beberapa orang pemimpin tertentu. Dr. Mahathir tidak terkecuali dari sasaran ini.

Selain dari beliau, Datuk Musa, Tengku Razaligh, Ghafar Baba, Rahman Yaacob dan bekas Setiausaha Kerja UMNO, Khalil Akasah, juga dikaitkan dengan begitu teratur dan tersusun, sehingga Dr. Mahathir merasakan perlu golongan 'witch-hunters' ini diingatkan terhadap 'perpecahan orang Melayu yang berkelahi sesama sendiri' dan maki-hamun terhadap pemimpin yang satu masa mereka sendiri angkatkan dan hormati di Simposium Kepimpinan Melayu ini.